

**NO. SOALAN: 282**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB BUKAN LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN GOBIND SINGH DEO**

**RUJUKAN : 9753**

**SOALAN :**

**Tuan Gobind Singh Deo [ Puchong ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan orang yang ditahan untuk kesalahan-kesalahan yang berkaitan dengan keganasan (terrorism) dan kesalahan-kesalahan sekuriti sejak 2010, (dari tahun ke tahun) bilangan orang yang telah dituduh untuk kesalahan-kesalahan tersebut dan bilangan orang yang telah disabitkan untuk yang sama.

**JAWAPAN:**

**Sepanjang tempoh 2010 hingga 22 Februari 2017, seramai 398 orang telah ditahan untuk kesalahan-kesalahan berkaitan keganasan (terrorism) dan kesalahan-kesalahan keselamatan.**

**Daripada jumlah tersebut, seramai 25 orang ditahan pada tahun 2010, 41 orang pada tahun 2011, 9 orang pada tahun 2012, 11 orang pada tahun 2013, 75 orang pada tahun 2014, 104 orang pada tahun 2015 dan 126 orang pada tahun 2016. Manakala seramai 7 orang telah ditahan bagi tempoh masa 1 Januari 2017 sehingga 22 Februari 2017.**

**Seramai 263 orang telah dituduh di bawah pelbagai akta termasuklah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA), Akta Pencegahan Keganasan (POTA) 2015, Akta Pencegahan Jenayah (POCA) 2015 dan Akta Kesalahan Keselamatan ( Langkah-Langkah Khas) 2012 (SOSMA). Daripada jumlah tersebut, seramai 128 orang telah disabitkan bersalah.**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YANG BERHORMAT PUAN TERESA KOK SUH  
SIM [ SEPUTEH ]**

**SOALAN :**

**Puan Teresa Kok Suh Sim [ Seputeh ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan senarai jet peribadi (private jet) yang dimiliki ataupun disewa oleh Kerajaan Persekutuan dan kos penyelenggaraan setiap jet terlibat pada tahun 2016. Nyatakan orang yang layak menggunakan jet peribadi tersebut.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Persekutuan melalui Jabatan Perdana Menteri (JPM) pada masa ini menyewa 2 (dua) unit Pesawat Eksekutif Kerajaan iaitu Airbus A319 Corporate Jetliner (ACJ319) dan Airbus A320 Corporate Jetliner (ACJ320).

Proses penyelenggaraan terbahagi kepada *Scheduled and Unshceduled Maintenance* yang dilaksanakan untuk memastikan pesawat-pesawat terlibat memenuhi standard operasi dan *Airworthiness* seperitimana ditetapkan oleh pihak berkuasa penerbangan awam negara.

Pesawat Eksekutif Kerajaan adalah untuk kegunaan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, YAB Perdana Menteri, YAB Timbalan Perdana Menteri dan VVIP Negara yang diluluskan oleh Kerajaan.

Sekian Terima Kasih.